

PIDATO PELANCARAN BUKU *NEGERI YANG SEMBILAN* PADA 10HB SEPTEMBER 1995.

Penulisan *Negeri Yang Sembilan* merupakan percubaan awal dalam usaha mengumpulkan bahan-bahan sejarah tentang sebuah kerajaan yang bangun setelah jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511. Kerajaan itu ialah Rembau dengan Sembilan buah Negerinya. Rembau bukanlah sebuah empayar besar seperti Johor yang sezaman dengannya ataupun Melaka sebelumnya. Rembau hanya sebuah kerajaan kecil tetapi berjiwa besar. Selama 340 tahun kerajaan berdaulat ini berjaya mempertahankan diri dan kedaulatannya daripada dijajah oleh Portugis, Belanda atau Inggeris. Bagi sebuah negeri kecil, kejayaan ini amat membanggakan.

Rembau mampu bertahan dua kali lebih lama daripada kerajaan Melayu Melaka daripada ditakluk Barat kerana inspirasi daripada sistem Adat Perpatih yang diamalkan rakyatnya. Melalui sistem adat ini bukan kepentingan individu tetapi kepentingan kelompok (rakyat) yang diberikan keutamaan. Inilah asas perpaduan rakyat Rembau dan inilah benteng kekuatannya. Dan sejarah membuktikan bahawa Kerajaan Rembau

merupakan salah sebuah negeri terakhir di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu yang berjaya dijajah Inggeris.

Selama 60 tahun Inggeris berusaha mengukar-kacirkan sistem padu pemerintah Rembau dengan segala tipu muslihatnya. Langkah pertama pihak Barat untuk mencapai matlamat ini ialah merobohkan benteng dan tembok Adat Perpatih. Kesepaduan rakyat dipecahkan. Ke dalam diri pemimpin adat diserapkan nilai dan sikap baru - mementingkan diri sendiri, tamak dan haloba -- iaitu nilai yang bertentangan dengan falsafah dan cara hidup Adat Perpatih. Tidak kurang daripada 50 tahun usaha ini telah dijalankan. Hanya pada sekitar tahun 1830-an Barat telah bersedia untuk menjalankan gerakan terakhirnya bagi menawan Kerajaan Rembau.

Gabenor Inggeris, Frederick Weld, adalah orang yang bertanggungjawab memecahkan benteng terakhir Rembau apabila dia dengan angkuhnya mengheret Kerajaan Rembau, khususnya Penghulu Datuk Lela Maharaja Haji Sahil ke "mahkamah". Dengan menggunakan undang-undang Inggeris dan mentafsirkan undang-undang Adat Perpatih mengikut kehendaknya dan keperluan penjajah Inggeris serta memperalatkan pembesar-pembesar Melayu dari negeri-negeri Melayu lain yang telah sedia berada dalam genggamannya

sebagai saksi untuk melegalisasikan perbuatannya, Frederick Weld yang menerajui “mahkamah Kangaroo” sebagai “hakim” untuk memecat Datuk Lela Maharaja Haji Sahil sebagai ketua pentadbir Kerajaan Rembau dan menggantikannya dengan pemimpin yang memudahkannya menjajah Rembau. Sejak itu Rembau menghadapi gejala awal keruntuhannya sebagai sebuah negeri berdaulat.

Kini Rembau hanya sebuah daerah kecil dalam Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, namun ia masih “besar” dalam memelihara pusaka Adat Perpatihnya, yang bagi kebanyakan penduduk Rembau, tidak akan lekang dimamah zaman.

Adalah dirasakan buku ini dianggap yang terbaik pernah diusahakan oleh seorang anak watan Rembau untuk daerahnya. Anak watan itu, Norhalim Hj Ibrahim, seorang pensyarah di sebuah Universiti tempatan juga dianggap sebagai pakar rujuk tentang adat dan kebudayaan Negeri Sembilan, terutama di daerah Rembau dan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia mengambil masa yang lama untuk menyiapkan buku ini. Beliau mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit yang banyak untuk mencari dan memastikan kesahihan fakta. Bersama juru gambar Fuad Hashim, Norhalim

telah turun ke lapangan, mengharungi sungai dan merentas belantara untuk mencari bekas tapak sejarah di seluruh daerah Rembau.

Seperti yang diperkatakan sebentar tadi usaha pembukuan sejarah ini adalah percubaan awal kita meneroka zaman silam nenek moyang yang daerahnya telah kita warisi bersama hari ini. Maka sebaiknya kita berusaha menilai kerja-kerja ini dan seterusnya mempertingkatkan usaha penulisan pada masa akan datang, bukan sahaja penulisan sejarah daerah Rembau sendiri tetapi juga sejarah daerah-daerah lain di Negeri Sembilan terutama sejarah Linggi yang terkenal sebagai gerbang awal sejarah Negeri Sembilan.

Penerbitan buku ini tidak akan mampu dilaksanakan tanpa inisiatif dan galakan daripada YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohamad Isa bin Dato' Hj. Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Beliau telah memberi pandangan dan nasihat yang amat berguna sehingga buku ini dapat diterbitkan dengan sempurna dan dengan kualiti yang tinggi.

Penglibatan secara aktif seorang tokoh tempatan iaitu Dato' Nordin Awal dianggap satu ganjaran besar dalam usaha kita mempercepat proses mengumpul bahan dan menerbitkan buku ini.

Kepada Penerbit Fajar Bakti milik Oxford University Press London, melalui daya usaha Pengarah Penerbitannya Drs. Ahmad Fadzil Yassin, juga seorang anak jati Rembau, kami dengan rasa tulus ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana berjaya menerbitkan buku yang secantik ini.

Akhirnya semoga buku ini akan memberi manfaat kepada seluruh masyarakat Rembau khasnya dan masyarakat Negeri Sembilan amnya. Sebarang kelemahan jika ada, adalah timbul daripada iltizam kami untuk mencari kesempurnaan dan telah menjadi adat kami sebagai insan biasa tidak dapat lari daripada melakukan sebarang kesilapan atau mempunyai sebarang kelemahan.

Sesungguhnya pelancaran rasmi buku ini, pada pagi ini oleh YAB Menteri Besar adalah tanda keikhlasan hati seluruh masyarakat Negeri Sembilan untuk mengangkat martabat dan sejarah bangsanya.

Terima kasih.